

Graf Penomboran Al-Quran

Graph of Numbering in the Quran

HAZWANI CHE AB RAHMAN, NUR ASYIKIN HAMDAN, ABDUL LATIF SAMIAN & NAZRI MUSLIM

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang kehebatan penyusunan yang begitu teliti dan menakjubkan oleh Allah SWT daripada pandangan susunan matematik. Ilmu pengetahuan dalam al-Quran bukan terhad kepada pengetahuan tentang sesuatu perkara sahaja, tetapi meliputi keseluruhan pengetahuan yang 'haq' atau benar, dan diterima bersama oleh fitrah, akal, dan wahyu. Usaha yang dilakukan dalam kajian ilmiah ini menunjukkan ilmu dan keajaiban itu bukan hanya daripada pentafsiran ayat-ayatnya, malah cara penyusunan surah di dalam al-Quran, bilangan ayat dan turutan penurunan surah yang digunakan dalam membentuk keseluruhan isi al-Quran, mampu membentuk lakaran yang menarik di atas graf Cartesian. Panduan pengetahuan yang 'haq' ini apabila dihayati dengan sepenuhnya akan membawa manusia kepada keyakinan dan kebenaran mutlak. Kebenaran mutlak ini akan seterusnya membina tembok-tembok yang kukuh di dalam diri seseorang.

Kata kunci: Allah; susunan al-Quran; graf

ABSTRACT

The purpose of this study is to analyse God's excellence in the arrangement of the Qur'an from the mathematical angle. The knowledge in the Quran, is not limited to things, but also covers true knowledge (haq), which is accepted by the inner disposition, reason, and revelation. The effort of this study shows that the knowledge and the miracle is not just come from the interpretation of Quran's sentences, but also from the arrangement of total sentence and chronology of the verses that can be demonstrated via the Cartesian graph. A correct understanding and adherence of the 'true knowledge' would lead, towards confidence and the final truth. This ultimate truth would develop firm walls in the human soul to enable the individual to withstand various of life's challenges.

Keywords: Allah; arrangement of the Qur'an; Cartesian graph

PENGENALAN

Allah SWT telah mencipta manusia dengan sebaik-baik ciptaan dan mereka dianugerahkan dengan rahmat yang tidak terhingga dan tidak ternilai berbanding makhluk lain. Antara rahmat yang terbesar adalah minda. Jika minda digunakan pada tahap kepenggunaan yang tinggi, maka penjana fikiran secara kreatif dapat dilahirkan dan seterusnya menghasilkan keuntungan kepada kehidupan manusia di dunia ini. Minda harus dipimpin oleh panduan yang benar, dan pimpinan tersebut adalah al-Quran, sebuah kitab suci milik pencipta alam yang diturunkan kepada junjungan besar nabi Muhammad SAW semasa zaman kenabian baginda. Al-Quran perlu dijadikan panduan ke arah membentuk kehidupan yang diredai. Al-Quran merupakan suatu kitab yang isinya tidak diturunkan secara sekali gus, tetapi penurunannya secara berperingkat, mengikut

perkembangan dan permasalahan masyarakat Muslim ketika Islam mula disebarkan.

Kini telah wujud pelbagai usaha daripada pelbagai golongan individu yang berusaha untuk membuka mata insan-insan yang memperlekeh ilmu-ilmu yang terkandung di dalam al-Quran. Namun begitu, bagi tokoh pengislaman sains Yusof Othman (2014), usaha yang dibuat untuk mencocokkan al-Quran dengan penemuan-penemuan sains atau Bucaillisme adalah kurang tepat. Bukanlah cara yang betul sekiranya kita mencari apa yang ada dalam al-Quran, kemudian apa yang ada dalam sains, seterusnya kita terus katakan terbukti itu benar. Justeru, memang al-Quran ada menerangkan begitu, tetapi al-Quran bukannya kitab sains, malah al-Quran lebih besar daripada itu, ia memberi petunjuk, falsafah serta dasar-dasar sahaja. Al-Quran harus dilihat bukan semata-mata sebagai sebuah kitab suci yang hanya dibaca dengan tertib, tetapi sebagai sumber ilmu

sama ada ilmu pengetahuan ataupun ilmu pengenalan (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1972).

Al-Quran bukan hanya merupakan Kalam Allah yang menjadi suatu tanda aras penerimaan kepada setiap amalan yang dilakukan oleh umat Nabi Muhammad, malah dengan membacanya sahaja sudah menjadi suatu ibadah daripada seorang hamba kepada Penciptanya. Manakala, memikirkannya, mengkaji dan mengamalkan kandungannya adalah jihad (Mahyuddin Ashaari, 2012). Al-Quran sebagai salah satu mukjizat Nabi Muhammad mampu mencabar akal manusia untuk mencari dan meyakini kebesaran Allah yang Maha Hebat dalam segala penciptaan dan aturannya sama ada yang tersurat mahupun tersirat. Keunikan yang terdapat di dalam penyusunan kandungan al-Quran merupakan satu daripada pelbagai bentuk keunikan dan kehebatan yang terdapat di dalam mukjizat al-Quran, dan ia hanya mampu dilihat setelah kita berusaha untuk meneliti, mendalami dan mengkaji isi kandungannya. Ilmu-ilmu yang terkandung dalam kitab ini sahaja sudah cukup untuk membuktikan maha luasnya ilmu Allah.

SEJARAH PENGUMPULAN DAN PEMBUKUAN AL-QURAN

Al-Quran merupakan sebuah kitab ciptaan Allah yang telah diturunkan dalam masa 23 tahun kepada utusanNya, Nabi Muhammad menerusi Malaikat Jibril lebih daripada 1430 tahun yang lalu. Al-Quran terdiri daripada 114 surah dengan nama-nama yang tersendiri. Surah-surah yang terdapat di dalam al-Quran bermula dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah an-Nass. Surah-surah al-Quran diturunkan bukan seperti susunan yang terdapat di dalam al-Quran, tetapi mengikut kronologi yang bersesuaian dengan keadaan atau permasalahan yang telah wujud pada ketika ayat tersebut diturunkan.

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui beberapa cara antaranya malaikat Jibril memasukkan ke dalam hati Nabi Muhammad dalam keadaan Baginda tidak terkesan oleh panca indera, tetapi baginda berasa bahawa wahyu itu berada dalam hatinya, dan malaikat memperlihatkan dirinya sebagai seorang lelaki dengan menyampaikan ayat kepada baginda sehingga baginda menghafaz ayat yang diturunkan itu sebelum disampaikan kepada sahabat-sahabat baginda. Manakala sahabat-sahabat Nabi pula berusaha menghafaz, mempelajari serta memahaminya dengan penuh teliti dan berhati-hati

bagi memastikan keaslian ayat al-Quran terjamin daripada cacat cela akibat daripada kelemahan akal manusia.

Sewaktu Nabi Muhammad masih hidup, ayat al-Quran tidak dihimpunkan seperti al-Quran yang ada pada hari ini. Pada zaman Saidina Abu Bakar menjadi khalifah, ramai penghafaz al-Quran shahid dalam peperangan Yamamah iaitu hampir 70 orang. Lalu Saidina Umar mencadangkan kepada Saidina Abu Bakar supaya dihimpunkan helaian ayat-ayat Al-Quran yang ditulis berasingan sebelumnya kerana bimbang akan kehilangannya dengan sebab kematian ramai penghafaz al-Quran. Al-Quran kemudiannya ditulis oleh Zaid bin Thabit hasil pengumpulan daripada lembaran yang ada dan akhirnya diikat kemas, tersusun turutan ayatnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW. Manakala pada zaman Khalifah Uthman Bin Affan, Uthman telah memerintah Zaid Bin Tsabit, Abdullah Bin Zubair, Said Bin Al-Ash dan Abdurrahman Bin Harits untuk menyalin ke dalam bentuk mushaf Uthmani seperti yang ada sehingga ke hari ini (Umar Abdullah 2010).

SOROTAN KAJIAN

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibuat, kajian al-Quran yang dilihat daripada sudut Matematik telah banyak dilakukan berikutan kesedaran pengkaji terhadap kehebatan yang telah Allah tonjolkan melalui mukjizatNya ini. Sorotan kajian pertama dilakukan ke atas tulisan Mohd Arip Kasmu (2010), *Kehebatan Susunan Al-Quran*. Kajian yang telah dilakukan oleh beliau adalah berkisar kepada kehebatan susunan al-Quran yang ada dan kekal isi kandungan bersama susunannya sejak daripada zaman nabi Muhammad SAW sehinggalah ke hari ini. Beliau membuat pengiraan daripada sudut nombor atau kedudukan surah, bilangan ayat, dan daripada sudut kronologi diturunkan ayat. Usaha ini pada dasarnya adalah untuk membidas usaha-usaha yang dilakukan oleh orientalis Barat, dan penyebar agama Kristian yang seringkali menjalankan suatu usaha untuk mempertikai kebenaran al-Quran.

Kajian oleh Musa'id bin Salih Al-Tayyar (2002) dengan tajuk *Kasyafat Ayat Al-Quran Al-Karim; Dirasah Lil Ittijahat Al-Adadiyyah wa Tara'iq Al-Tartib*, mengkaji isi Al-Quran dan menemukan penemuan-penemuan yang pelbagai daripada kajian kuantitatif dan kajian kualitatif yang telah beliau rangka dengan menggunakan kaedah dan susunan yang berbeza daripada aspek-aspek tertentu.

Dapatan kajian beliau dibahagikan kepada lafaz, tema, ayat-ayat pertama bagi surah-surah dalam al-Quran dan penemuan-penemuan lain. Sorotan kajian seterusnya merujuk kepada penulisan Maarop Mohd Noh (2000), *Al-Quran Menjana Ilmu Matematik*. Beliau telah menyenaraikan semua ayat yang berunsur matematik yang dipaparkan jelas di dalam 52 surah. Antara surah itu, al-Baqarah memaparkan 13 ayat yang berunsur matematik, diikuti Ali Imran sebanyak tujuh ayat dan selainnya. Manusia yang mewujudkan rasa ragu dan menafikan wujudnya unsur matematik dalam al-Quran, sekali gus mereka juga ragu dengan kebenaran dan mukjizat al-Quran.

Kajian juga dilakukan terhadap penyelewengan kajian lepas terhadap unsur matematik dalam al-Quran. Abdul Fatah Haron (1986) dalam bukunya, *Rekaan Rashad Khalifa: Kod 19 Menyesatkan* telah mendedahkan pembbohongan yang telah dilakukan oleh Rashad Khalifa dalam mencari angka 19 di dalam al-Quran antaranya Basmalah mengandungi 19 huruf, setiap kalimah di dalam Basmalah diulang beberapa kali di dalam seluruh al-Quran, jumlah setiap satunya adalah gandaan genap 19. Pendapat-pendapat ini telah diperkatakan dan dipertikai kesahihannya. Wujud pengiraan yang dilakukan tidak menepati kaedah, dan ada juga beliau sendiri tidak mengikut kaedah yang dibuatnya sendiri, malah wujud pula sanggahan yang tidak berdaya untuk beliau menjawabnya. Kajian kod 19 yang dianggap istimewa tidak meliputi keseluruhan al-Quran, tetapi hanya 5% dan hanya kebetulan sahaja. Sebenarnya ulama ilmu al-Quran di zaman dahulu yang tidak berkomputer, lebis luas dan lebih dalam bidang kajian mereka, dan seandainya dipandang dari aspek angka, didapati ada 512 angka yang ditemui oleh mereka, tetapi hanya 15 angka sahaja yang boleh dibahagi genap dengan 19. Ternyata tiada apa yang istimewanya dengan penemuan kod 19 yang didakwa sebagai bukti saintifik yang bernama matematik.

Al-Quran adalah mukjizat Allah yang bukan sahaja menjadi pegangan dan mentauhidkan Allah, malah merangkumi sains matematik dan penomboran yang memenuhi kehendak manusia yang berilmu. Umat Islam yang ingin berjaya mestilah kembali kepada al-Quran dan memartabatkan segala falsafah ilmunya. Sebagai suatu contoh (Maarop 2000), ilmu pengkomputeran yang kini menguasai dunia moden telah diasaskan daripada al-Quran. Ada pendapat yang menjelaskan bahawa tokoh ilmuan Islam

iaitu Al-Biruni adalah pencipta komputer pertama di dunia apabila beliau menemui “0” dan angka “1” dalam formula matematiknya yang berasaskan al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini terlaksana melalui kaedah pemasukan maklumat nombor-nombor daripada penyusunan al-Quran yang melibatkan bilangan ayat, kronologi diturunkan surah, dan kedudukan nama surah (nombor surah) ke dalam perisian *Microsoft Excel* dan seterusnya mengarahkan perisian ini membentuk graf taburan yang diinginkan. Kajian yang dilaksanakan ini adalah lanjutan daripada kajian yang berkaitan dengan graf taburan yang mampu melakarkan kalimah Allah (الله) dan tulisan kalimah Muhammad (محمد) dalam tulisan Jawi atau Arab (Mohd Arip 2010). Bersandarkan idea ini, pengkaji cuba menerbitkan suatu graf baru dengan menggunakan perwakilan paksi-y yang berbeza daripada kajian yang telah dibuat dalam kajian tersebut. Daripada graf taburan yang terbentuk, pengkaji berhasil mendapatkan suatu graf taburan yang apabila disambungkan titik-titiknya, menghasilkan suatu kalimah yang baru, yang juga dalam tulisan Jawi atau Arab.

Pemasukan maklumat berkaitan nombor surah atau kedudukan surah, kronologi surah tersebut diturunkan, nama surah, bilangan ayat bagi setiap surah yang dimasukkan ke dalam sel *Microsoft Excel* bergantung kepada graf yang ingin dibentuk. Pemasukan yang mewakili paksi-y dan paksi-x pada graf taburan adalah pemasukan nombor surah dan bilangan ayat bagi setiap surah untuk membentuk satu graf, manakala untuk membentuk graf yang lain pula melibatkan pemasukan nombor surah dan kronologi surah diturunkan. Graf-graf taburan yang terbentuk ini akan disambungkan titik-titiknya bagi membentuk perkataan-perkataan dalam tulisan Jawi atau tulisan Arab.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

GRAF NOMBOR SURAH MELAWAN BILANGAN AYAT BAGI SETIAP SURAH

JADUAL 1. Nama bagi 114 Surah dan bilangan ayat bagi setiap Surah dalam al-Quran pada Microsoft Excel


Row	Surah Name	Verse Count
1	an-Naas	6
2	al-Falaq	5
3	al-Ikhlash	4
4	al-Masad	5
5	an-Nasr	3
6	al-Kafirun	6
7	al-Kauthar	3
8	al-Maa'un	7
9	Qurais	4
10	al-Fill	5
11	al-humazah	9
12	al-Asr	3
13	at-Takathur	8
14	al-Qariah	11
15	al-'A'diyat	11
16	az-Zalzalah	8
17	al-Bayyinah	8
18	al-Qadr	5
19	al-'Alaq	19
20	at-Tin	8
21	asy-Syarh	8
22	ad-Duha	11
23	al-Lail	21
24	as-Syams	15
25	al-Balad	20
26	al-Fajr	30
27	al-Ghasyiah	26
28	al-'Ala	19
29	at-Taariq	17
30	al-Buruj	22
31	al-Insyiqaaq	25
32	al-Mutaffifin	36
33	al-Infithar	19
34	at-Takwir	29
35	Abasa	42
36	an-Naazi'aat	46
37	an-Naba'	40
38	al-Mursalat	50
39	al-Insan	31
40	al-Qiyamah	40
41	al-Mudaththir	56
42	al-Muzammil	20
43	al-Jinn	28
44	Nuh	28
45	al-Ma'aarij	44
46	al-Haqqah	52
47	al-Qalam	52
48	al-Mulk	30
49	at-Tahrim	12
50	at-Talaaq	12
51	at-Taghaabun	18
52	al-Munafiqun	11
53	al-Jumuah	11
54	as-Saff	14
55	al-mumtazah	13
56	al-Hasyr	24
57	al-Mujadalah	22
58	al-Hadid	29
59	al-Waqiah	96
60	ar-Rahman	78
61	al-Qamar	55
62	an-Najm	62
63	at-Tuur	49
64	az-Zaariyaat	60
65	Qaff	45
66	al-Hujurat	18
67	al-Fath	29
68	Muhammad	38
69	al-Ahqaff	35
70	al-Jaathiat	37
71	ad-Dukhaan	59
72	az-Zukhruf	89
73	asy-Syuura	53
74	Fussilat	54
75	Ghaafir	85
76	az-Zumar	75
77	Saad	88
78	Asaaffaat	182
79	yaa sin	83
80	Faatir	45
81	Saba'	54
82	al-Ahzab	73
83	as-Sajdah	30
84	Lukman	34
85	ar-Ruum	60
86	al-Ankabut	69
87	al-Qasas	88
88	an-Naml	93
89	asy-Syuura	227
90	al-Furqan	77
91	an-Nurr	64
92	al-Mu'minun	118
93	al-Hajj	78
94	al-Anbiya'	112
95	Taha	135
96	Maryam	98
97	al-kahfi	110
98	al-Isra'	111
99	an-Nahl	128
100	al-Hijr	99
101	Ibrahim	52
102	ar-Ra'du	43
103	Yusuf	111
104	Hud	123
105	Yunus	109
106	At-Taubah	129
107	Al-Anfal	75
108	al-'Araf	206
109	al-An'aam	165
110	al-Maaidah	120
111	an-Nisa'	176
112	Aali Imran	200
113	al-Baqarah	286
114	al-Fatihah	7

Penunjuk:-

A: Nama Surah; B: Bilangan Ayat


Graf taburan pertama yang dibentuk adalah suatu graf yang melibatkan nombor atau kedudukan nama surah dan bilangan ayat bagi setiap surah dalam al-Quran. Sebelum membentuk graf taburan, pemasukan maklumat pada *Microsoft Excel* iaitu, nama surah dimasukkan pada sel-sel di baris A dan bilangan ayat bagi setiap surah pada sel di baris B *Microsoft Excel* seperti di Jadual 1. Pemasukan nama surah pada kotak yang pertama pada baris A dimulakan dengan turutan terbalik, iaitu dengan surah yang terakhir, An-Nass sehinggalah kepada surah pertama, iaitu surah Al-Fatihah. Pemasukan nama surah yang bermula dengan surah terakhir ini dilakukan bertujuan untuk membentuk perkataan (hasil daripada cantuman titik-titik pada graf taburan) yang nampak lebih jelas pada kedudukan yang sepatutnya. Seterusnya *Microsoft Excel* diarah untuk membina suatu graf taburan berdasarkan maklumat-maklumat yang telah

disenaraikan dengan paksi-x mewakili kedudukan nama surah (nombor surah) dan paksi-y mewakili bilangan ayat bagi surah masing-masing. Graf taburan yang terhasil adalah seperti di Rajah 1.



RAJAH 1. Graf taburan surah-surah al-Quran.

Rajah 1 menunjukkan graf bilangan ayat melawan kedudukan nama surah (nombor surah) yang terdapat di dalam al-Quran. Graf taburan yang terhasil menunjukkan surah an-Nass merupakan suatu titik yang menghampiri asalan, manakala surah al-Fatihah mewakili titik yang paling jauh kerana kedudukan surah al-Fatihah yang diletakkan dalam sel yang berada di kedudukan yang ke-114 pada *Microsoft Excel*. Graf taburan ini digunakan untuk proses seterusnya iaitu proses penyambungan titik-titik yang terlibat. Jika diperhatikan kepada graf pada Rajah 1, sebelum disambungkan titik-titiknya, daripada suatu sudut, graf ini menghasilkan suatu bentuk kalimah Allah dalam tulisan Arab. Sambungan titik-titik yang terlibat adalah seperti pada Rajah 2.




RAJAH 2. Khat kalimah Allah dalam tulisan Arab (الله)

Kalimah yang terbentuk hasil daripada penyambungan titik-titik koordinat yang mewakili kedudukan surah bersama bilangan ayat daripada suatu sudut, telah menghasilkan suatu kalimah gelaran, milik Pencipta Yang Maha Agung, iaitu kalimah Allah jika ditulis dalam huruf Arab ataupun Jawi (الله). Ini juga merupakan suatu bukti, bahawa kitab suci al-Quran ini bukanlah suatu kitab rekaan manusia, tapi ia milik Yang Maha Mengatur dan Membentuk segala sesuatu, Allah SWT. Ketika al-Quran diturunkan, iaitu lebih daripada 1430 tahun yang lalu, graf Cartesan, iaitu graf yang mempunyai paksi-x dan paksi-y yang digunakan pada masa kini, dan digunakan juga untuk menghasilkan graf taburan surah-surah al-Quran seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 masih belum wujud pada ketika itu (Mohd Arip 2010).

Graf Cartesan merupakan satu idea yang kreatif untuk menggambarkan perkaitan kedudukan antara dua perkara. Graf yang dibangunkan oleh seorang

ahli matematik dan ahli falsafah Rene Descartes (1596-1650) ini dinamakan graf Cartesan bersempena dengan nama beliau (Wikipedia 2016). Manakala untuk membangunkan graf ini, ia memerlukan sistem penomboran. Penomboran kepada surah dan bilangan ayat di dalam al-Quran menunjukkan peranan nombor yang penting bagi memastikan al-Quran berada dalam keadaan tersusun. Nombor merupakan makhluk Tuhan dan setiap sesuatu di alam ini semestinya boleh dinomborkan (Abdul Latif, 2012). Melalui penggunaan graf Cartesan dan nombor-nombor ini telah membolehkan titik-titik koordinat terbentuk. Manakala sambungannya menghasilkan suatu yang amat menarik kepada insan yang mengagumi seni ciptaan Tuhan.

Pada sudut pandang yang sedikit berbeza pada graf taburan di Rajah 1, membentuk perkataan yang lain pula daripada Rajah 2. Cantuman titik-titik koordinat pada graf yang sama, suatu perkataan yang membangkitkan lagi rasa kagum terhadap susunan al-Quran muncul, kalimah tersebut adalah kalimah nama pemilik junjungan besar nabi Muhammad dalam tulisan Arab atau Jawi (محمد), seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3. Justeru, dua kalimah yang terhasil daripada cantuman taburan titik-titik koordinat untuk graf kedudukan nama surah melawan bilangan ayat tersebut melalui penyambungan titik yang berbeza merupakan dua kalimah yang terdapat pada kunci agama Islam, iaitu Syahadah.



RAJAH 3. Khat kalimah Muhammad dalam tulisan Arab (محمد)

GRAF NOMBOR SURAH MELAWAN BILANGAN AYAT BAGI SETIAP SURAH

Graf taburan yang kedua adalah dibentuk melalui pemasukan kedudukan nama surah (nombor surah) dan kronologi surah tersebut diturunkan. Malaikat Jibril telah menurunkan ayat pertama daripada

surah Al-A'laq kepada Nabi Muhammad iaitu *iqra'*. Menurut Al-Ghazali (1991), ayat pertama yang diturunkan ini menunjukkan bahawa Allah memberi perhatian kepada tulis menulis, ilmu dan belajar. Dengan memerhatikan ayat itu sahaja sudah

cukup untuk menyatakan bahawa Islam adalah agama yang sangat mementingkan ilmu dan dalam masa yang sama, Islam adalah agama yang sangat mementingkan proses berfikir.

JADUAL 2. Nama bagi 114 Surah dalam al-Quran dan kronologi Surah diturunkan pada *Microsoft Excel*


E105		A1		A1		A128	
A	B	A	B	A	B	A	B
1	Al-Fatihah	30	Ar-Ruum	59	Al-Hasyr	88	Al-Ghasyiah
2	Al-Baqarah	31	Lukman	60	Al-mumtazah	89	Al-Fajr
3	Aali Imran	32	asSajdah	61	As-Saff	90	Al-Balad
4	an-Nisa'	33	Al-Ahzab	62	Al-Jumuah	91	As-Syams
5	al-Maaidah	34	Saba'	63	Al-munafiquun	92	Al-Lail
6	al-An'aam	35	Faatir	64	AtTaghaabun	93	Ad-Duha
7	al-A'raf	36	yaa sin	65	At-Talaaq	94	Asy-Syarh
8	Al-Anfal	37	Asaaffaat	66	At-Tahrim	95	At-Tin
9	At-Taubah	38	Saad	67	Al-Mulk	96	Al-A'laq
10	Yunus	39	Az-zumar	68	Al-Qalam	97	Al-Qadr
11	Hud	40	Ghaafir	69	Al-Haqqah	98	Al-Bayyinah
12	Yusuf	41	Fussilat	70	Al-Ma'aarij	99	Az-Zalzalah
13	Ar-Ra'du	42	Asy-Syuura	71	Nuh	100	Al-A'diyat
14	Ibrahim	43	Az-Zukhruf	72	Al-Jinn	101	Al-Qariah
15	Al-Hijr	44	Ad-Dukhaan	73	Al-Muzammil	102	At-Takathur
16	An-Nahl	45	Al-Jaathiat	74	Al-Mudatthir	103	Al-Asr
17	Al-Isra'	46	Al-Ahqaff	75	Al-Qiyamah	104	Al-Humazah
18	Al-kahfi	47	Muhammad	76	Al-Insan	105	Al-Fill
19	Maryam	48	Al-Fath	77	AlMursalat	106	Qurais
20	Taha	49	Al-Hujurat	78	annaba'	107	Al-Maa'un
21	Al-Anbiya'	50	Qaff	79	Annaazi'aat	108	Al-Kauthar
22	Al-Hajj	51	Az-Zaariyaat	80	Abasa	109	Al-Kafirun
23	Al-Mu'minun	52	At-Tuur	81	At-takwir	110	An-Nasr
24	An-Nurr	53	An-Najm	82	Al-infithar	111	Al-Masad
25	Al-Furqan	54	Al-Qamar	83	Al-Mutaffifin	112	Al-Ikhlash
26	Asy-Syuiaaraa'	55	Ar-Rahman	84	Al-Insyiqaq	113	Al-Falaq
27	An-Naml	56	Al-waqiah	85	Al-Buruj	114	An-Naas
28	Al-Qasas	57	Al-Hadid	86	At-Taariq	115	
29	Al-Ankabut	58	Al-Mujadalah	87	Al-A'laa	116	
						117	
						118	
						119	
						120	
						121	
						122	
						123	
						124	
						125	
						126	
						127	
						128	
						129	
						130	
						131	
						132	
						133	
						134	
						135	
						136	
						137	
						138	
						139	
						140	
						141	
						142	
						143	
						144	

Penunjuk:-

A: Nama Surah; B: Kronologi Surah Diturunkan


Pemasukan sel pada baris A di *Microsoft Excel* adalah kedudukan nama surah (nombor surah) yang bermula daripada surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah an-Nass seperti yang terdapat pada Jadual 2, manakala pemasukan sel pada baris B di *Microsoft Excel* adalah kronologi surah tersebut diturunkan. Pada bahagian ini, hasil penelitian yang berulang kali, pengkaji menemui satu lagi kalimah dalam tulisan Jawi melalui graf yang menggunakan perwakilan paksi-y yang berbeza daripada graf yang digunakan untuk menerbitkan kalimah Allah dan Muhammad dalam tulisan Jawi. Pada graf ini, paksi-x mewakili nombor surah, manakala paksi-y mewakili kronologi diturunkan surah. Rajah 4

menunjukkan graf taburan nombor surah melawan kronologi diturunkan surah-surah tersebut terhasil setelah *Microsoft Excel* diarah untuk membentuk graf taburan.



RAJAH 4. Graf taburan kronologi diturunkan al-Quran

Jika diperhatikan kepada Rajah 4, titik-titik yang terbentuk adalah bersifat rawak dan tidak seperti graf bilangan ayat melawan nombor surah yang agak jelas menunjukkan dua kalimah yang berbeza jika dilihat dalam sudut yang berbeza. Namun begitu, setelah disambungkan titik-titik pada graf taburan kronologi surah diturunkan melawan nombor surah ini, graf ini juga menghasilkan suatu bentuk kalimah dalam tulisan Arab. Sambungan titik-titik yang terlibat yang diperoleh adalah seperti dalam Rajah 5.




RAJAH 5. Khat kalimah al-Quran (dalam tulisan Arab)

Pandangan kalimah yang muncul dari sudut ini, masih tidak jelas seperti yang ingin digambarkan, tetapi apabila graf sambungan titik yang telah dilakukan seperti di Rajah 5 diputar mengikut arah lawan jam sebanyak 90° , atau sebanyak 270° jika diputar mengikut arah jam, maka kalimah tersebut akan lebih jelas kerana berada pada kedudukan yang sepatutnya. Apabila putaran 90° melawan arah jam dilakukan, maka Rajah 5 yang membentuk kalimah al-Quran dalam tulisan Jawi atau tulisan Arab menjadi bentuk yang lebih mudah untuk dikenali seperti pada Rajah 6 walaupun susunan huruf bagi

perkataan al-Quran dalam graf ini tidak berada pada susunan yang teratur.

Sesungguhnya segala perancangan yang telah diaturkan oleh Allah sebagai Tuhan Yang Maha Mencipta adalah sebaik-baik perancangan. Al-Quran adalah sebuah kitab yang perlu dipercayai dan di imani dengan sepenuhnya. Bukan hanya kerana ia memberi panduan kepada umat Islam dalam memandu kehidupan, tetapi lebih-lebih lagi kerana kepercayaan dan penerimaan kepada kitab Allah ini adalah salah satu daripada rukun iman. Mempercayainya dengan sepenuh hati adalah sifat sejati seorang insan yang beragama Islam. Manakala menafikan kenyataan yang disampaikan oleh Allah melalui al-Quran boleh menggugat akidah Muslim walaupun penerangan ayat-ayat al-Quran secara rasional dan mantiknya bertentangan dengan pemikiran seseorang yang lain (Mohd Yusof 2013).



RAJAH 6. Khat kalimah al-Quran (dalam tulisan Arab)

KESIMPULAN

Sesungguhnya Allah bersifat Maha Merancang, Maha Menghitung, dan Maha Hebat dalam setiap perkiraan yang dilakukan. Kalimah Allah dan Muhammad dalam tulisan Arab, yang terukir di dalam graf taburan nombor surah melawan bilangan ayat, dan kalimah al-Quran yang terbentuk daripada graf taburan kronologi diturunkan surah al-Quran melawan nombor surah, membuktikan bahawa Allah SWT bersifat Maha Membentuk segala

sesuatu, mampu melakukan apa sahaja yang tidak mampu manusia fikir dan bayangkan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam kitab suciNya:

“Katakanlah: Sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanku, sungguh habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat Tuhanku, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula)” (al-Quran, surahThaha, 18:109)

Jika al-Quran adalah ciptaan manusia, maka menjadi suatu yang mustahil bagi manusia untuk melakar dua kalimah yang amat bermakna melalui graf yang terbentuk daripada kajian yang menghasilkan nama manusia tersebut dan kekasih yang paling dicintainya, sedangkan ketika penurunan al-Quran selengkapnyanya, masih belum wujud lagi sistem nombor Muslim, kertas, atau graf taburan seperti yang ada pada hari ini.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul Fatah Haron Ibrahim. 1986. *Rekaan Rashad Khalifa: Kod 19 Menyesatkan*. Selangor: Penerbit Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Hazwani Che Ab Rahman

Nur Asyikin Hamdan

Abdul Latif Samian
Profesor
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor
MALAYSIA
E-mel: abdlatif@ukm.edu.my

Nazri Muslim
Pusat Citra
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor
MALAYSIA
E-mel: nazrim@ukm.edu.my

Diserahkan: 18 Januari 2016

Diterima: 20 Julai 2016

- Abdul Latif Samian. 2012. *Memetakan Metamatematik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali. Muhammad, 1991. *Akhlaq Seorang Muslim*. Terj. H MohRifai. Selangor: Thinkers Library.
- Maarop Md Noh. 2000. *Al-Quran Menjana Ilmu Matematik*. <http://www.webspawner.com/users/ieyla/index.html> [2 November 2015].
- Mahyuddin Ashaari. 2012. Konsep iqra' dan matlamat pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam* (Jun-Dis) 2012: 49-61.
- Mohd Arip Kasmoo. 2010. *Kehebatan Susunan Al-Quran*. Seremban: Pusat Perniagaan Senawang, ITQANS Ent.
- Mohd Yusof Hj. Othman. 2013. *Sains Dalam Maqasid Al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof Hj. Othman. 2014. *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa'id bin Salih Al-Tayyar. 2002. *Kasyafat Ayat Al-Quran Al-Karim; Dirasah Lil Ittijahat Al-Adadiyyah wa Tara'iq Al-Tartib*. Riyadh: Maktabah Al-Malik Fahd Al-Wataniyyah.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah dalam Kebudayaan Melayu*. Bangi:UKM
- Umar Abdullah. 2010. Sejarah Penulisan, Pengumpulan, dan Penyalinan Al-Quran. <https://mediislamnet.com/2010/08/sejarah-penulisan-pengumpulan-dan-penyalinan-al-quran/> [15.02.2016].
- Wikipedia. 2016. Cartesian coordinate system. https://en.wikipedia.org/wiki/Cartesian_coordinate_system [accessd on 15 February 2016]